

HARI : SABTU
TARIKH : 15/6/2019
M/SURAT : 20A

RON97 turun 22 sen, RON95 dan diesel kekal

Putrajaya: Harga runcit petrol RON97 turun 22 sen kepada RM2.41 seliter manakala RON95 dan diesel kekal masing-masing pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter berkuat kuasa tengah malam ini. Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, harga bahan api berkenaan ditetapkan bagi tempoh 15 hingga 21 Jun ini berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

